

**CADANGAN PEMBANGUNAN KE ATAS TANAH WAKAF
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS)
SECARA PAJAKAN**

Keputusan :

1. Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (FATWA) Negeri Selangor telah membuat keputusan bahawa pihak Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) tidak boleh menjual aset hasil pembangunan tanah wakaf melainkan hanya menjual bentuk-bentuk manfaat sahaja.
2. Keputusan ini adalah berdasarkan kepada hujah-hujah seperti berikut :
 - i. Pihak MAIS boleh membangunkan tanah wakaf miliknya secara pajakan untuk membina rumah kediaman, rumah kedai dan sebagainya.
 - ii. Pihak MAIS telah diingatkan bahawa segala bentuk pembangunan ke atas tanah wakaf, miliknya secara pajakan tidak boleh dijual beli asetnya kepada pihak lain kerana bercanggah dengan konsep wakaf menurut Islam.
 - iii. Pihak MAIS boleh menjual manfaat dari asset-aset tersebut hasil daripada pembangunan tanah wakaf. Contoh, Pihak Pemaju Perumahan yang membangunkan tanah wakaf milik MAIS secara pajakan, tidak boleh menjual rumah tersebut kepada mana-mana pihak, tetapi hanya boleh disewakan.